

**TAHAP PERSEDIAAN KECEMASAN
DI PUSAT SERENTI KARAK
BENTONG, PAHANG DARUL
MAKMUR**

**OLEH
MOHD ADNAN BIN ABDULLAH**

**Kertas Projek ini dikemukakan bagi memenuhi syarat
– syarat Sarjana Sains di Fakulti Kejuteraan,
Universiti Putra Malaysia
3 Oktober 2001**

DEDIKASI

Kepada Ayahanda dan Bonda yang dikasihi, semoga dirahmati

Allah S.W.T. selalu.

Kepada isteri tercinta, Ratipah Binti Yusof dan anak – anak yang disayangi, Mohd Jazlan, Noor Zhafarina, Mohd Safwan, Noor Amira, Noor Athirah dan Noor Afiqah Syahirah, serta rakan – rakan seperjuangan semoga terus maju jaya dan diberkati Allah S.W.T.

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak dan individu yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar, galakan dan sokongan di dalam pengajian saya.

Saya mungkin tidak dapat menyenaraikan satu persatu, tetapi secara khususnya saya tujukan penghargaan ini kepada :-

a) Pensyarah – pensyarah Universiti Putra Malaysia :-

Prof. Madya Ir. Dr. Mohamad Bin Daud - Penyelaras MS ERP

Prof Madya Dr. Fakhru'l Razi Bin Ahmadun - Penyelia Projek

Ir. Fuad Bin Abas - Penyelia Bersama

Dr. Nor Mariah Binti Adam

Dr. Abd. Rahman Bin Ramli

Dr. Azmi Bin Yahya

Dr. Rimfiel Bin Janius

Ir. Dr, Md. Yusof Bin Ismail

Puan Aini Binti Said

b) Rakan – rakan kelas MS ERP

c) Pegawai dan Kakitangan Agensi Dadah Kebangsaan, Pusat Serenti Karak, Cawangan Polis Daerah Bentong, Balai Bomba Karak, termasuklah adik angkat saya En. Bakar yang telah banyak membantu serta semua pihak yang terlibat.

The logo of Universiti Putra Malaysia (UPM) is a shield-shaped emblem. It features a red and white color scheme. At the top left, the letters 'UPM' are written in white on a red rectangular background. In the center, there is a stylized white book with a red cover. Below the book, there are several vertical white lines of varying heights, resembling a staircase or a series of columns. The entire emblem is set against a light grey background.

Sekian, Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	i
SENARAI LAMPIRAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii

BAB

I PENGENALAN

Pendahuluan	1
Latarbelakang Kajian	4
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	8

II TINJAUAN BAHAN BERTULIS

Pengenalan	10
Sejarah Kemasukan Dadah di Malaysia	18
Masalah Penagihan Dadah Masa Kini	21
Undang-Undang Dadah di Malaysia	28
Undang-Undang Berkaitan Keselamatan di Pusat Serenti	29
Elemen-Elemen Persediaan Menghadapi Kecemasan	30
Elemen-Elemen Latihan	37
Taksiran Istilah	38

III	KAEDAH KAJIAN	
	Populasi dan Sampel Kajian	41
	Alat Kajian	42
	Tatacara Pemerolehan Data	45
	Tatacara Penganalisaan Data	48
IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	50
V	CADANGAN DAN KESIMPULAN	86
VI	RUJUKAN	91

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A - Petikan Akhbar The Star bertarikh 15.10.2001
- Lampiran B - Petikan Akhbar Berita Harian bertarikh 16.10.2001
- Lampiran C - Petikan Akhbar The Sun bertarikh 17.10.2001
- Lampiran D - Gambar-Gambar Tempat Kajian dan Salinan Report – Karak
Report 810/98
- Lampiran E - Gambar-Gambar Tempat Kejadian dan Salinan Report – Karak
Report 104/98
- Lampiran F - Gambar-Gambar Tempat Kejadian dan Salinan Report – Karak
Report 99
- Lampiran G - Gambar-Gambar Pusat Serenti Karak dan Pelan Kasar
Kedudukannya.
- Lampiran H - Pelan Tindakan Bil : 1/96
- Lampiran I - Pelan Tindakan Bil : 2/96
- Lampiran J - Perintah-Perintah Tetap Ketua Pengarah Bil : 3/96
- Lampiran K - Perintah-Perintah Tetap Ketua Pengarah ADK Bil : 15/96
- Lampiran L - Dasar Dadah Negara
- Lampiran M - Cadangan Peralatan Mencegah Kebakaran di Pusat Serenti Karak
oleh Pihak Bomba.
- Lampiran N - Peralatan Mencegah Kebakaran Di Penjara Penor.
- Lampiran O - Contoh Borang Kaji Selidik.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji tahap persediaan di Pusat Serenti Karak ,Bentong Pahang bagi menghadapi sesuatu kecemasan. Pusat ini dipilih kerana sejak tahun 1995 sebanyak 3 kes rusuhan dan kebakaran telah berlaku. Kajian di fokuskan kepada aspek keadaan demografik pusat, latarbelakang responden, menilai samaada polisi dan peraturan berkaitan situasi kecemasan mencukupi atau tidak ,tahap persediaan kecemasan di kalangan kakitangan dan samaada peralatan dan sokongan logistik yang ada mencukupi atau tidak untuk menghadapi situasi kecemasan. Data-data maklumat diperolehi melalui temubual, borang soalselidik, bahan-bahan dokumen yang disediakan oleh Pihak Agensi Dadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Pusat Serenti Karak Dan Bomba. Lawatan dan pemeriksaan juga dibuat.

Didapati polisi, peraturan dan prosedur yang ada mencukupi untuk menangani sebarang kiris dan kecemasan yang berlaku. Pelan – pelan tindakan kecemasan atau pelan pengurusan kecemasan ada disediakan tetapi kakitangan tidak mempunyai kemahiran untuk menangani masalah tersebut. Ini disebabkan kurangnya latihan, sokongan logistik yang terhad dan kurangnya kerjasama dan koordinasi dengan lain – lain agensi kerajaan/swasta semasa menghadapi situasi kecemasan. Justeru itu hasil kajian menunjukkan tahap persediaan di Pusat Serenti Karak adalah sederhana terutama dari aspek kesedaran persediaan kecemasan.

Walaupun begitu terdapat aspek-aspek yang boleh di pertingkatkan lagi khususnya latihan kepada kakitangan, kerjasama dengan agensi-agensi kecemasan yang lain dan tambahan peralatan serta sistem komunikasi yang baik dan berkesan.

ABSTRACT

The purpose of this research is to study the level of emergency preparedness of drug rehabilitation centre in Karak, Bentong Pahang. This centre was selected because it had been experienced three cases of rioting since 1995. The research involving various aspects such as demographic condition of the centre, background of the respondents, policy and procedure of awareness in emergency preparedness, the level of preparedness and the logistic support.

The information data resources were collected from interviews, research forms, written information given by the management and familiarization visits.

This data was then analyzed through the descriptive manner i.e to analyze the percentages and variability required.

The result of this research shows that the level of preparation compiled by Drug Rehabilitation in Karak was moderate especially in terms of awareness in emergency preparedness. The staff were not adequately trained and personal protective equipments are not issued. It is clear evidence that creeping crisis or disaster is the next probability at the centre. However there are still a few aspects which can be improve such as training of the staffs and co-operations among other emergency organizations.

TAHAP PERSEDIAAN KECEMASAN DI PUSAT SERENTI KARAK,PAHANG

BAB I

Pengenalan

PENDAHULUAN

Malaysia telah melalui berbagai-bagai pengalaman didalam menghadapi sesuatu keadaan kecemasan samada rusuhan,kebakaran,banjir, bangunan runtuh dan sebagainya. Sebagai contoh pada 15hb.Mei 1984 satu kejadian letupan dan kebakaran telah berlaku di Kilang Bright Sparklers Sdn. Bhd.,Kampung Baru Sg. Buloh,Selangor dimana mengakibatkan puluhan jiwa terkorban dan ramai yang mengalami kecederaan serta kerugian yang dianggarkan jutaan ringgit. Pada 11hb.Disember 1993 kira-kira jam 1.30 tengahari blok pertama bangunan Highland Towers,Ampang Jaya telah runtuh setelah hujan lebat turun tanpa henti selama sepuluh hari.Tragedi ini telah meragut 48 nyawa serta melibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Berikutnya penghuni blok 2 dan 3 telah dilarang memasuki dan menghuni premis mereka kerana dikhuatiri tidak selamat untuk terus diduduki.Pada

banjir lumpur di penempatan Orang Asli Pos Dipang, Kampar, Perak yang mengorbankan 28 orang serta kehilangan harta benda bernilai beratus ribu ringgit. Peristiwa kecemasan tersebut tidak berhenti di situ sahaja, malah masyarakat Malaysia telah mengalami satu lagi peristiwa pahit pada 26hb. Disember 1996 apabila taufan Greg telah melanda daerah Keningau, Sabah yang telah meragut 250 nyawa dan ratusan mangsa yang cedera serta mengakibatkan kerugian bernilai jutaan ringgit. Banjir tersebut juga telah melenyapkan Kampung Contoh dan mengubah pandangan darat kampung Pampang, Limbauan, Ligaun sehingga menjadikannya tidak sesuai lagi untuk dijadikan kawasan penempatan. Selain daripada kejadian-kejadian diatas, seringkali berlaku situasi di mana telah mewujudkan keadaan kecemasan dan ketidaktentuan di negara ini melalui rusuhan dan pergaduhan serta kebakaran di pusat-pusat Serenti.

Masalah penagihan dadah di Malaysia merupakan masalah yang serius sehingga kerajaan telah mengistiharkan penyalahgunaan dadah merupakan musuh nombor satu negara. Mengikut rekod Agensi Dadah Kebangsaan kadar penagihan dadah telah meningkat dari tahun ke tahun dan peningkatannya begitu membimbangkan sekali. Sebagai contoh sejak tahun 1996 jumlah penagih dadah yang di daftarkan melebihi 30,000 orang. Pada dasarnya ia menunjukkan peningkatan setiap tahun dan peningkatannya secara purata melebihi 10 peratus walaupun pada tahun 1999 dan 2000 ianya menunjukkan sedikit penurunan. Di bawah Akta Dadah Berbahaya (Rawatan Dan Pemulihan) 1983, penagih dadah yang telah disahkan oleh mahkamah akan dihantar ke pusat-pusat serenti untuk tujuan pemulihan bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun. Justeru itu wujud lah senario Pusat-pusat Serenti yang menerima pelatih (Penagih dadah) lebih daripada jumlah yang di wartakan. Ini disebabkan tidak adanya keseimbangan kadar pembinaan Pusat Serenti dengan peningkatan penagih dadah. Susulan dari itu berlakulah masalah kesesakan di pusat

– pusat serenti dan ini mengakibatkan ketidakpuasan dan ketidakselesaian dikalangan pelatih yang mana akhirnya mengakibatkan berlakunya rusuhan dan pergaduhan serta kes melarikan diri daripada pusat-pusat. Buktinya dalam bulan November tahun 2000, seramai 433 orang pelatih di Pusat Serenti Bukit Gambir, Muar, Johor telah merusuh dan membakar asrama dan lain-lain blok yang melibatkan kerugian lebih kurang RM700,000.00. Beberapa orang kakitangan pusat tersebut telah mengalami kecederaan serius manakala kenderaan mereka turut musnah di bakar. Punca kejadian adalah disebabkan pelatih tidak berpuas hati dengan makanan dan minuman yang disediakan oleh pihak pusat. Satu lagi insiden terbaru telah berlaku pada 14hb. Oktober 2001 jam lebih kurang 8.30 malam bilamana 421 orang pelatih Pusat Serenti Tampoi, Johor telah bertindak dengan agresif merusuh dan membakar sebahagian besar bangunan di pusat tersebut yang mana melibatkan kerugian bernilai beratus ribu ringgit. Lebih kurang 75 orang pelatih telah melarikan diri dan 21 orang daripadanya telah ditangkap semula di keesokan hari nya. Sila lihat lampiran A & B. Pada 16hb. Oktober 2001, masyarakat Malaysia telah dikejutkan lagi apabila 100 orang penagih dadah bertindak menyerang dua orang anggota polis yang cuba menangkap mereka di ladang kelapa sawit di KM12.8 Jalan Seelong, Kulai, Johor sehingga menyebabkan kedua-dua anggota tersebut mengalami kecederaan dan kereta mereka turut di bakar. Sila lihat lampiran C

Senario-senario diatas memberi satu gambaran yang amat menakutkan pada kita semua kerana perbuatan menyerang, merusuh dan membakar boleh menyebabkan kehilangan jiwa raga, kecederaan tubuh badan dan kemusnahan harta benda yang mungkin bernilai jutaan ringgit. Justeru itu adalah wajar dan kena pada masanya untuk kita menyediakan satu perancangan yang teliti sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang situasi kecemasan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dibawah Undang-Undang Dadah Berbahaya (Rawatan Dan Pemulihan) 1983, terdapat peruntukan dibawah Seksyen 3 (1) yang memberi kuasa kepada pegawai untuk menangkap penagih – penagih dadah dan membawanya ke mahkamah dan setelah disahkan sebagai penagih dadah, mereka akan dihantar ke Pusat – Pusat Serenti selama tempoh 2 tahun untuk tujuan rawatan dan pemulihan. Manakala Seksyen 8 pula memperuntukan yang penagih dadah boleh memohon secara sukarela untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan di Pusat – Pusat Serenti di seluruh negara. Justeru itu mereka akan dihantar ke Pusat- Pusat Serenti yang sedia ada termasuk lima Pusat Serenti di Pahang.

Berdasarkan kepada risiko – risiko kemerbahayaan yang tinggi di Pusat Serenti di Pahang terutama Pusat Serenti Karak, maka ianya dipilih untuk dijalankan kajian mengenai tahap persediaan Pusat Serenti bagi mengawal keadaan kecemasan sekiranya berlaku sesuatu kejadian/insiden seperti rusuhan dan sebagainya.

Kajian ini dijalankan keatas Pusat Serenti Karak yang dikategorikan mempunyai kemerbahayaan yang tinggi atau mempunyai pemasangan bahaya besar berdasarkan insiden-insiden yang berlaku sebelum ini sepertimana dibawah :-

Kejadian Pertama – Karak Repot 810/95

Pada 15hb. Jun 1985 lebih kurang jam 10.00 malam, seramai 363 orang pelatih telah merusuh kerana dikatakan membantah tindakan 3 pengawal keselamatan yang memukul 19 orang daripada pelatih-pelatih tersebut yang didapati air kencing mereka positif setelah diuji dan di kuarantinkan selama dua hari. Dalam kejadian ini pelatih-pelatih yang merusuh telah bertindak membakar bangunan pejabat, membakar asrama, surau dan pos pengawal serta membakar kenderaan-kenderaan pengawal-pengawal keselamatan. Ada diantara pelatih telah bertindak ganas dengan mencederakan dua orang pengawal keselamatan serta merobohkan pagar Pusat Serenti tersebut. Jumlah kerugian dianggarkan bernilai lebih kurang RM200,000.00. Gambar-gambar tempat kejadian adalah seperti lampiran D. Senjata yang dirampas daripada pelatih-pelatih yang merusuh ialah seperti batang-batang besi dan batang-batang kayu. Seramai 35 orang pelatih telah ditangkap untuk siasatan lanjut dan sebahagiannya dituduh di mahkamah kerana kesalahan merusuh manakala sebahagian lagi diambil tindakan oleh Komandan pusat tersebut disebabkan kekurangan keterangan untuk dituduh di mahkamah.

Kejadian Kedua – Karak Repot 104/98

Pada 16hb. Januari 1998 lebih kurang jam 7.30 malam, seramai 100 orang pelatih-pelatih telah merusuh dengan memecahkan tingkap pejabat, merobohkan pos pengawal serta lain-lain bangunan kerana tidak berpuas hati diatas tindakan warden asrama yang memukul kawan-kawan mereka dengan kayu dan getah paip apabila didapati keluar secara haram daripada pusat tersebut (pecah pagar). Jumlah kerugian didalam kejadian ini adalah lebih

kurang RM100,000.00. Diantara senjata-senjata yang dirampas ialah parang panjang, botol berisi bahan bakar (molotov cocktail), batang-batang besi dan kayu beluti. Seramai 25 orang pelatih telah ditangkap untuk siasatan dan akhirnya mereka tidak dituduh di mahkamah kerana tiada bukti yang kukuh. Gambar-gambar tempat kejadian adalah seperti lampiran E

Kejadian Ketiga – Karak Repot 1896/99

Pada 16hb. November 1999 lebih kurang jam 7.30 malam, seramai 131 orang pelatih telah merusuh dengan membakar dan merosakan bangunan-bangunan di pusat tersebut serta 4 buah kenderaan milik pengawal keselamatan. Pelatih juga telah bertindak mencederakan 3 orang pengawal keselamatan dengan menggunakan senjata-senjata tajam. Punca kejadian adalah dikatakan kerana pelatih-pelatih tidak berpuas hati dengan pihak pentadbiran pusat yang memindahkan tempat tinggal mereka setelah mereka melanggar peraturan disiplin pusat. Didalam kes ini 41 orang telah ditangkap untuk siasatan lanjut dan 21 orang daripada mereka telah dituduh di mahkamah kerana kesalahan merusuh manakala bakinya diambil tindakan disiplin oleh pihak Komandan pusat. Senjata-senjata yang dirampas ialah seperti besi tajam, batang-batang kayu dan botol-botol pecah. Jumlah kerugian ialah lebih kurang RM300,000.00. Sila lihat gambar-gambar kejadian seperti lampiran F.

Kajian yang dijalankan meliputi aspek – aspek berikut :-

- Kajian terhadap sistem pengurusan dan tahap persediaan Pusat Serenti berkenaan samada polisi, arahan-arahan dan prosedur berkaitan persediaan menghadapi sesuatu kecemasan mencukupi ataupun tidak.
- Mengkaji samada sistem tindak balas kecemasan Pusat Serenti diadakan sepertimana kehendak – kehendak arahan Pelan Tindakan Bilangan 1/96 – Tindakan-Tindakan Mengenai Rusuhan dan Tindakan-Tindakan Mencegah Kebakaran.
- Mengkaji samada program latihan yang ada mengikuti polisi-polisi dan arahan – arahan yang sedia ada.
- Mengkaji samada pihak Pusat Serenti menyediakan kelengkapan-kelengkapan dan peralatan-peralatan melawan rusuhan, kebakaran dan perlindungan diri yang mencukupi.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menilai samada polisi,peraturan dan prosedur yang ada mencukupi dan berkesan untuk menangani sebarang keadaan krisis dan kecemasan yang berlaku.
2. Menentukan samada pihak Pusat Serenti menyediakan Pelan-Pelan Tindakan Kecemasan.Pelan Pengurusan Kecemasan dan langkah-langkah kecemasan yang lain.
3. Mengukur tahap pengetahuan dan kemahiran kakitangan Pusat Serenti didalam menangani sebarang keadaan kecemasan.
4. Menentukan samada keperluan peralatan dan kelengkapan yang sedia ada mencukupi untuk menangani keadaan kecemasan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijangka dapat membantu Pusat-Pusat Serenti Negeri Pahang khasnya mendapatkan maklumat-maklumat kemerbahayaan dan mengetahui langkah-langkah pengawalan yang perlu diadakan di Pusat Serenti berkenaan.Ini sekaligus membantu Agensi Dadah Kebangsaan merangka strategi untuk meningkatkan kawalan dan tindakan bagi menangani sesuatu kejadian/insiden kecemasan.

Merangka strategi latihan dikalangan pegawai dan kakitangan Pusat Serenti dan juga latihan bersama dengan agensi-agensi penyelamat yang lain.

Membantu Pusat Serenti mengadakan dan mempertingkatkan pelan kontigensi rusuhan dan kebakaran bagi mengeksploitasikan dengan mengetahui sumber-sumber yang ada seperti kakitangan, kelengkapan/peralatan melawan rusuhan, sistem perhubungan dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan di Pusat Serenti berkenaan.

Memberi keyakinan kepada komuniti dan pihak Kerajaan Negeri mengenai tahap persediaan yang dilakukan oleh Pusat-Pusat Serenti. Disamping itu boleh memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada di Pusat Serenti berkenaan berdasarkan hasil kajian yang dijalankan.

BAB VI

RUJUKAN

1. Abdul Ghafar Taib 1988 Dadah Strategi dan Kawalan Di Sekolah-Sekolah : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
2. Blum, Richard 1974. Society and Drugs –Drug Social and Cultural Observation : Jossey-Bass, Inc, Publisher San Francisco.
3. Conklin J.E. 1981. Criminology : Mac millan Publishing Co, Inc, 866 Third Avenue. New York 10022
4. George M.Rusch : The History and Development of Emergency Response Planning Guidelines : Journal of Hazardous Material, 33 (1993) (mukasurat 194)
- 5, Hasbullah Hussin 1983. Kehidupan Manusia Terancam : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
6. Major Hazard Division : A Guide For The Preparation of An Effective On-Site Emergency Response Planning : DOSH, Malaysia (mukasurat 20).

7. Occupational Health and Safety Assessment Series : Occupational Health and Safety Management Systems – specification/OHSAS 18001 : 1999
8. Peter Burton, 'Civil Disaster : Are you Prepared?', Fire and Rescue Journal, Westbury, England, January 1998 (ms : 29)
9. Soh Chai Hock, 'Formation of Fire Squad in High Risk, building' – drill and Evacuation Procedures' , Towards Upgrading Fire Prevention Standard in Building Seminar, Kuala Lumpur, 12 May 1994.
10. Spencer and Nawaratnam V. 1981. Drug Abuse in East Asia : Kuala Lumpur. Oxford University Press.
11. Whitaker B. 1987. The Global Connection –The Crisis of Drug Addiction : Jonathan Cape, Thirty-Two Bedford Square London.
12. Rison, Richard H; Winttenberg, Peter M: Disaster Theory : Avoiding Crisis In A Prison Environment.